



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

KENYATAAN MEDIA

INSIDEN KEMATIAN ANAK GAJAH DI JALAN RAYA TIMUR - BARAT SEMPADAN GERIK, PERAK - JELI, KELANTAN

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) amat dukacita dan memandang serius insiden kematian seekor anak gajah yang dilanggar kenderaan (*roadkill*) yang telah berlaku pada 11 Mei 2025, kira-kira jam 2.41 pagi di Jalan Raya Timur Barat (JRTB) sempadan Gerik, Perak – Jeli, Kelantan. Pejabat PERHILITAN Daerah Gerik telah menerima aduan daripada Bilik Gerakan IPD Gerik berhubung kejadian yang melibatkan sebuah lori 10 tan membawa muatan ayam dengan seekor anak gajah bersama ibunya.

Kematian seekor anak gajah ini telah menyentuh hati ramai rakyat Malaysia. Ia bukan sekadar satu kemalangan tragis, tetapi mencerminkan cabaran besar dalam hubungan antara manusia dan alam khususnya dalam usaha kita mengekalkan kelangsungan hidup spesies liar dalam landskap yang semakin terpisah-pisah dan kehilangan kesinambungan semula jadi. JRTB merupakan laluan penting yang merentasi habitat gajah liar di antara hutan-hutan utama di Perak dan Kelantan. Lokasi ini dikenal pasti sebagai kawasan berisiko tinggi bagi pertembungan antara manusia dan hidupan liar, khususnya gajah. Kajian pada tahun 2016 mendapati kawasan keliaran gajah telah berkurangan sebanyak 68% akibat perubahan guna tanah untuk pertanian, perladangan, serta pembangunan infrastruktur seperti jalan raya dan penempatan.

Berdasarkan kepada rekod Jabatan PERHILITAN, 4,919 aduan konflik manusia dan gajah telah dilaporkan bagi tempoh 2020 hingga 2024. Konflik ini termasuk kerugian harta benda yang direkodkan dan jumlah kerugian dianggarkan RM39.4 juta. Dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, sebanyak lapan (8) ekor gajah direkodkan mati akibat roadkill di Semenanjung Malaysia termasuk tiga (3) daripadanya berlaku dalam tahun ini sahaja.

Sebagai usaha berterusan untuk menangani konflik manusia-gajah, Jabatan PERHILITAN telah melaksanakan beberapa langkah mitigasi seperti berikut:

- a. Rondaan dan pemantauan berkala di hotspot konflik gajah sepanjang lebih 100 km laluan JRTB yang berselekeh dan berpemandangan terhad;
- b. Pembinaan tiga (3) unit Sistem Pagar Elektrik Gajah (SPEG) kekal di Kg. Bukit Sapi - Kg. Batu Reng, RPS Air Banun dan Bersia;
- c. Pengayaan habitat dengan pembinaan dua (2) jenut tiruan di bawah viaduct Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (CFS) A-PL1 (Hutan Simpan Temengor – Hutan Simpan Amanjaya – Hutan Simpan Belum), Gerik;
- d. Pemasangan 19 unit papan tanda lintasan gajah di JRTB termasuk dua (2) billboard dan satu (1) papan tanda LED Elephant Crossing Monitoring Device.
- e. Pemasangan lampu jalan di 16 lokasi berisiko tinggi, dengan lapan (8) lokasi tambahan dikenal pasti dan tujuh (7) lokasi baharu bagi pemasangan papan tanda amaran lintasan hidupan liar;
- f. Hebahan melalui media sosial, video pendek dan poster lintasan gajah semasa musim perayaan bagi meningkatkan kesedaran kepada pengguna JRTB mengenai tindakan keselamatan sekiranya berlaku pertembungan dengan gajah.

- g. Program kesedaran awam ke arah kewujudan bersama (co-existence) bersama pemegang taruh termasuk pengguna jalan raya JRTB supaya sentiasa peka terhadap keadaan sekeliling dan kehadiran gajah di sepanjang JRTB.
- h. Pembinaan lintasan hidupan liar atau dikenali sebagai 'viaduct' sepanjang 200 meter di kilometer 157 Gerik – Jeli telah dibina dengan kos RM26 juta pada tahun 2015, hasil kerjasama dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) dibawah inisiatif projek Central Forest Spine.

Hutan yang menjadi habitat utama gajah adalah di bawah bidang kuasa negeri, seperti termaktub dalam Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, penyelesaian jangka panjang memerlukan kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

Antara tindakan yang boleh dilaksanakan bagi mengukuhkan usaha menangani konflik manusia dan gajah adalah seperti berikut:

1. Penyambungan habitat hidupan liar terutamanya gajah melalui pelaksanaan koridor ekologi;
2. Penubuhan koridor gajah di kawasan berhampiran habitat, termasuk kawasan perladangan, tanah persendirian dan tanah berhutan;
3. Kerjasama antara syarikat-syarikat perladangan kelapa sawit untuk mewujudkan rangkaian mini koridor di dalam ladang;
4. Penanaman sumber makanan semula jadi gajah di kawasan koridor bagi mengurangkan kebergantungan terhadap tanaman komersial;
5. Pembentukan santuari gajah yang sekurang-kurangnya berkeluasan 10,000 hektar;
6. Pemasangan lampu jalan di lokasi lintasan utama gajah.

Kerajaan Persekutuan juga telah menyediakan insentif *Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation* (EFT) sejak tahun 2019 iaitu insentif kewangan tambahan kepada kerajaan-kerajaan negeri bagi melindungi dan memulihara kawasan perlindungan. Sehingga kini, sebanyak RM800 juta telah disediakan termasuk sebanyak RM250 juta pada tahun ini dan kerajaan negeri boleh memanfaatkan peruntukan EFT bagi menangani konflik manusia dan hidupan liar termasuk gajah dengan meningkatkan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan habitat gajah.

Pelaksanaan EFT telah menunjukkan keberhasilan di mana sejumlah 90,000 hektar kawasan perlindungan daratan diwartakan. Daripada jumlah tersebut, terdapat peningkatan dari segi keluasan Hutan Simpan Kekal (HSK) sebanyak lebih 14,000 hektar. Sungguhpun begitu, menangani isu ini memerlukan lebih daripada sekadar intervensi kewangan dan teknikal. Kerajaan akan terus memimpin usaha melalui dasar dan pelaksanaan yang menyeluruh. Namun kejayaan hanya boleh dicapai dengan komitmen bersama pemilik ladang, pelaksana projek, masyarakat setempat, dan pengguna jalan raya. Kesedaran awam perlu diperkukuh dengan lebih meluas, kerana perlindungan gajah bukan hanya soal konservasi, tetapi juga soal menjaga keseimbangan ekologi dan warisan negara.

NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM)
13 MEI 2025



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

